

ATLET KELAS DUNIA

PENCAPAIAN cemerlang beberapa atlet Malaysia di arena antarabangsa minggu ini menjadi berita gembira buat negara. Awang mengucapkan tahniah kepada mereka. Inilah hadiah istimewa kepada rakyat Malaysia yang mendambakan kejayaan atlet kita di kelas dunia.

Kejutan terbesar adalah daripada atlet terjun negara Cheong Jun Hoong yang merangkul pingat emas pertama negara di Kejohanan Akuatik Dunia FINA 2017 dalam acara 10m platform di Budapest pada Khamis. Pada Awang, ia pencapaian yang hebat. Jun Hoong bersama penerjun Pandelega Rinong turut memperoleh pingat gangsa bagi acara 10 meter platform seiring pada kejohanan yang sama.



JUN HOONG



KHAIRUL HAFIZ

Seorang lagi atlet yang mencuri perhatian adalah pelari pecut Khairul Hafiz Jantan yang memecahkan rekod kebangsaan 200m berusia 49 tahun milik Dr. M. Jegathesan (20.92s) dengan catatan 20.90s pada Kejohanan Olahraga Pra Sukan SEA 2017. Seperti Jun Hoong, Khairul diramal menyinar sebagai ikon sukan negara.

Atlet para, Muhamad Ziyad Zolkefli meneruskan kecemerlangan dengan memecah satu lagi rekod dunia acara lontar peluru lelaki F20 pada Kejohanan Olahraga Para Dunia 2017 di London baru-baru ini.

Seorang lagi atlet para Abdul Latif Romly meraih emas dan memperbaiki rekod lompat jauh yang diciptanya sendiri pada tahun 2015 dalam Kejohanan Olahraga Para Dunia di London pada Ahad lepas.

Walaupun Awang tidak mahu kita mudah berpuas hati dan dibuai kegembiraan namun kejayaan mereka boleh menjadi isyarat kontinjen negara akan memberi impak besar pada Sukan Sea Ke-27 di Kuala Lumpur, bulan depan.

Awang seperti juga rakyat Malaysia mahu melihat kontinjen menjadi juara keseluruhan dengan pungutan emas tertinggi dalam sejarah. Sukan Sea KL adalah ujian sebenar kita untuk tempoh terdekat ini sebelum misi Sukan Asia dan Olimpik. Walaupun atas kertas, Thailand diramal juara namun tiada yang mustahil untuk kita pula berada di puncak. Awang yakin.